

30/12/1997

Ghapur umum keputusan minggu ini

TUARAN, Isnin - Datuk Abdul Ghapur Salleh yang meletak jawatan sebagai Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan Sabah pada 13 Disember lalu dijangka membuat keputusan mengenai pengumuman itu minggu ini.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Yong Teck Lee, berkata beliau belum mendengar berita terbaru mengenai kedudukan Ghapur kerana dia masih bercuti sehingga Rabu ini.

"Saya difahamkan Ghapur akan membuat pengumuman sendiri ataupun melalui wakilnya dalam minggu ini juga," katanya kepada pemberita selepas majlis Pemimpin Bersama Rakyat di pekan Tuaran di sini, pagi ini.

Dalam laporan akhbar 20 Disember lalu, Abdul Ghapur bersedia mempertimbangkan semula hasratnya untuk meletakkan jawatan Timbalan Ketua Menteri Sabah selepas mendapat nasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketika berucap pada majlis itu, Yong meminta semua ahli Barisan Nasional bersiap sedia bagi menghadapi pilihan raya yang dijangka diadakan pada bila-bila masa tahun depan.

Katanya, tempoh kerajaan BN akan tamat tahun depan dan semua pihak diminta bersiap sedia bagi memastikan kerajaan BN dapat kembali memerintah negeri ini untuk meneruskan program pembangunan yang dilancarkan.

"Jangan biarkan pembangkang kembali memegang tampuk pemerintahan negeri ini kerana pengalaman sembilan tahun memerintah sudah cukup memberi pengajaran kepada penduduk," katanya.

Yong berkata, kadar kemiskinan semasa pembangkang berkuasa meningkat sehingga 33.5 peratus, bagaimanapun dalam tempoh empat tahun BN memerintah kadar kemiskinan dapat dikurangkan kepada 26 peratus.

"Dalam keadaan ekonomi yang merosot sekarang, kita bimbang sekiranya pembangkang kembali memerintah, negeri ini terus mengalami kemunduran yang akan menyebabkan rakyat menderita," katanya.

(END)